

29 NOV 2002

Samy-Cawangan/I

MIC TUBUH 600 CAWANGAN BARU DALAM TEMPOH DUA BULAN

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- MIC telah berjaya membuka 600 cawangan baru serta menerima kemasukan 63,000 orang lagi anggota dalam tempoh dua bulan lepas menjadikan bilangan anggota parti itu kepada 608,000 orang.

Presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata parti itu akan menubuh sebanyak 300 buah lagi cawangan tahun depan dan rancangan juga sedang dibuat untuk "menyerap anggota daripada sebuah parti bukan komponen Barisan Nasional".

"Kita telah membuka 600 cawangan baru tetapi kelulusan ialah untuk pembukaan 900 buah cawangan, baki 300 lagi cawangan itu akan ditubuh selepas persidangan agung MIC Mei depan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa pusat MIC hari ini.

"Kita menerima lapan hingga 10 permohonan setiap hari daripada masyarakat India yang ingin menubuhkan cawangan MIC, kita perlu menelitinya kerana jika cawangan terlalu banyak, ia sukar dikawal," katanya.

Samy Vellu juga berkata pada tahun lepas juga sebanyak 40,000 orang anggota parti digugurkan kerana gagal membayar yuran tahunan.

Beliau turut mengumumkan pemilihan peringkat cawangan akan diadakan pada Februari manakala peringkat bahagian pada Mac. MIC kini mempunyai kira-kira 4,000 cawangan dengan 125 bahagian.

MIC telah membentuk sebuah jawatankuasa pemandu bagi mengendalikan pemilihan-pemilihan itu.

Pemilihan peringkat pusat akan diadakan pada 17-18 Mei dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikannya.

Sementara itu, jika berlaku pertandingan bagi jawatan presiden, ia akan diadakan berasingan pada Februari.

Ekoran pindaan Perlembagaan MIC tahun lepas, presiden parti akan dipilih oleh pengerusi-pengerusi cawangan dan bukan lagi dipilih oleh perwakilan bahagian.

"Penggagal bagi jawatan presiden sekarang akan berakhir 27 Mei dan perlembagaan parti memerlukan pemilihan presiden diadakan tiga bulan sebelum penggal itu berakhir," kata Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya.

-- BERNAMA

SR AHH MOZ